

ANALISIS TEMATIK PERBEZAAN KALIMAH AL-KHAIR DAN AL-HASAN DI DALAM AL-QURAN

SITI MURSYIDAH MOHD ZIN
sitimursyidah@kuis.edu.my

FILZA YASMIN BINTI MOHD FIRDAUS
filzayasmin@gmail.com

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kebaikan sudah semakin pupus dalam kehidupan manusia lantaran kejahatan yang terus menyelubungi dunia tanpa henti. Kejahatan di merata-rata seperti penzinaan, maksiat, fitnah, penindasan, kezaliman, penipuan dan penyelewengan. Artikel ini bertujuan menganalisis perbezaan kalimah al-Khair dan al-Hasan. Kalimah al-Khair disebut sebanyak 195 kali manakala kalimah al-Hasan disebut sebanyak 190 kali di dalam al-Quran. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan iaitu berdasarkan analisis dokumen dan disusun menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa kalimah al-Khair di dalam al-Quran banyak menceritakan bagaimana melakukan kebaikan di dunia dengan berlandaskan keimanan pada Allah S.W.T serta kekuasaan Allah S.W.T. Manakala kalimah al-Hasan pula menjelaskan kebaikan secara simbolik yang akan dihitung di akhirat kelak di mana lebih memfokuskan kepada aspek keikhlasan dalam melakukan kebaikan serta ganjaran yang bakal diperolehi.

Kata kunci: al-Khair, al-Hasan, al-Quran, tematik, analisis perbezaan kalimah, kebaikan, dunia, akhirat

PENGENALAN

Kebaikan itu sebenarnya akan berlaku apabila terdapat akhlak yang baik dalam diri seorang manusia, kerana orang yang memiliki akhlak baik sentiasa bersegera dalam melakukan perbuatan yang baik dan menjauhi dari perbuatan yang buruk. Seseorang itu akan memperoleh kebahagiaan di dunia jika mereka berkelakuan baik manakala dan di akhirat mereka akan memperoleh keuntungan yang besar iaitu syurga jika mereka seorang yang beriman.

Seperti yang diketahui, bagi setiap orang yang beriman dan berakhlak baik dia akan dijamin keselamatan baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Setiap kali manusia berakhlak baik maka pada saat itu keimanan mereka semakin teguh terhadap Allah S.W.T. Setiap kali manusia berbuat baik dengan kerelaan mereka sendiri, menahan diri dari menyakiti orang lain serta sungguh-sungguh dalam berbuat kebaikan di antara sesama manusia, mereka akan diberi keutamaan dan akan ditempatkan pada tempat yang mulia di hadapan Allah S.W.T.

PERMASALAHAN KAJIAN

Setiap tahun kita dibanjiri dengan berita-berita yang menyedihkan berlaku pada kanak-kanak. Sebagaimana yang ditunjukkan didalam akhbar Free Malaysia Today bahawa statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan dari 2010 hingga 2015 dengan purata kes sebanyak 963 kes setahun. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes mencabul kehormatan dan 422 kes luar tabii melibatkan mangsa dibawah 18 tahun bagi tempoh 2015 dan 2016.¹

Akhbar The Malaysian Sight menulis bahawa pada tahun 2017 di Malaysia sahaja sudah dibanjiri dengan lebih kurang tujuh laporan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dilaporkan dalam seminggu. Antara yang dapat dilihat apabila hilangnya kebaikan seorang bapa terhadap anaknya, dimana sepatutnya tugas seorang bapa yang mendidik anak hingga berjaya. Seorang dihadapkan ke Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Kuala Lumpur di atas 182 pertuduhan meliwat, merogol dan melakukan seksual fizikal terhadap anak perempuan kandungnya berusia 15 tahun.²

Disamping itu, hampir setiap tahun ada sahaja cerita yang muncul dimana pelajar asrama sekolah mahupun universiti terlibat dalam kegiatan buli sehingga sampai tahap menggorbankan nyawa orang yang dibuli. Menurut Akhbar Utusan, Kemeterian Pendidikan mengeluarkan statistik, terdapat lebih daripada 14,000 kes buli di sekolah- sekolah di seluruh negara antara tahun 2012 dan 2015 dan sebahagian besar melibatkan penderaan fizikal. Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan berkata terdapat peningkatan dalam kes buli yang dilaporkan di sekolah menengah iaitu 0.06 peratus pada tahun 2015 kepada 0.11 peratus pada tahun 2016.³

Justeru, kajian ini sangat wajar dilaksanakan untuk menimbulkan kesedaran untuk melakukan kebaikan dalam diri manusia semula. Pengakaji akan mendatangkan perbezaan maksud baik dalam kalimah *al-Khair* dan *al-Hasan* yang disebutkan dalam al-Quran serta kaitannya dengan kehidupan Rasulullah S.A.W. dari segi cara baginda menyebarkan kebaikan tanpa henti serta mengajak masyarakat sekelilingnya melakukan kebaikan

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian yang akan menganalisis perbezaan kalimah *al-Khair* dan *al-Hasan* di dalam al-Quran. Pengkaji menggunakan metode perpustakaan "*library research*" untuk mengumpulkan data-data kajian di samping tidak mengabaikan metode-metode kajian yang lain seperti tesis-tesis, jurnal serta bahan bacaan yang berkaitan.

Cara pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder iaitu pengkaji menggunakan kitab *Kitab al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Qur'an al-Karim*, Muhammad Fuad Al Baqi, al-Dar al-Kutub Mishriyyah, 1364H sebagai rujukan utama untuk mengetahui bilangan kalimah *al-Khair* dan

¹ <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/06/20/mahkamah-khas-jenayah-seksual-kanak-kanak-rasmi-khamis-ini/>

² <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/10212/>

³ <http://m.utusan.com.my/rencana/utama/buli-isu-serius-perlu-campur-tangan-kerajaan-1.494456>

al-Hasan dalam al- Quran. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kitab *Tafsir al-Quran al-Azim li Ibn Kathir* karya Imam 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il Ibn Kathir, Pustaka Imam al-Shafie, 2008 untuk menganalisis ayat-ayat yang berkaitan *al-Khair* dan *al-Hasan* di dalam al-Quran.

PEMAHAMAN TERHADAP KALIMAH AL-KHAIR DAN AL-HASAN

Definisi kalimah *al-Khair* menurut bahasa ialah *Khair* atau *al-Khair* (yang baik) menurut *Mu'jam Mufradat al-Faz al-Quran* oleh Al-Raghib Al-Asfahani (2013) adalah setiap sesuatu yang diinginkan seperti akal umpamanya, keadilan, keutamaan dan sesuatu yang bermanfaat. Lawan katanya adalah *al-syir* (yang jahat). Ibnu Mandhur dalam kitabnya *Lisan al-'Arab* (711H) menyatakan bahawa yang dimaksudkan *al-Khair* adalah kebaikan berupa kenikmatan dunia iaitu yang terbaik dari segala sesuatu.

Manakala definisi kalimah *al-hasan* menurut bahasa ialah *al-Hasan* menurut kitab *Mu'jam Mufradat al-faz al-Quran* oleh Al-Ragib Al-Asfahani (2013), suatu istilah yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang disukai atau di pandang baik. Selain itu, *al-Hasan* juga menggambarkan kenikmatan manusia pada dirinya, badannya dan keadaannya seperti kemewahan, kelapangan, dan kemenangan. *al-Hasan* lebih banyak diperkenalkan secara umum melalui hal yang dianggap baik oleh penglihatan.

Seterusnya, menurut istilah kalimah *al-Khair* membawa maksud lebih kepada kebaikan yang membawa manfaat, boleh ditegur dan secara zahirnya boleh dilihat. Ketahuilah bahawasanya konsep baik terbahagi kepada dua, pertama ialah baik yang bersifat mutlak iaitu suatu kebaikan yang disenangi dari setiap sudut dan setiap orang seperti syurga. Kemudian, konsep baik yang kedua ialah baik dan jahat yang saling berkait, iaitu baik menurut seseorang dan buruk menurut orang yang lainnya. Dikatakan baik dan jahat (keduanya) itu mempunyai dua persepektif iaitu pertama, kedua - kedua baik dan jahat disebut sebagai nama. Perspektif kedua yang dikatakan baik dan jahat (keduanya) ialah disebut sebagai sifat, yang mana keduanya ditentukan dalam perbuatan lebih *afdhal* darinya.

Jika ditinjau dari segi istilah makna *al-Hasan* ialah kebaikan yang secara simbolik akan dihitung di hari akhirat kelak. Dalam hal ini Ibn Ataillah (1994) berkata: "Janganlah menuntut pembalasan (pahala) atas suatu perbuatan baik kerana pemilik kebaikan yang sebenarnya adalah bukan dirimu, sedang kedudukan kalian semata wakil Allah. Cukuplah bagimu jika perbuatanmu itu diterima di sisi Allah S.W.T.

ANALISIS AYAT AL-QURAN YANG MENGANDUNGI KALIMAH AL-KHAIR

Ayat al-Quran yang mengandungi kalimah *al-Khair* terbahagi kepada empat skop yang menunjukkan (1) Kebaikan dari sudut beriman kepada Allah S.W.T, (2) Kebaikan dari sudut perbandingan umat terdahulu, (3) Kebaikan dari sudut kekuasaan Allah S.W.T dan (4) Kebaikan dari sudut yang lebih baik.

Di dalam skop pertama ini terdapat 12 ayat yang menerangkan mengenai kebaikan dari sudut beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T :

فَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَمَتَّعْ أَلْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى لِلَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (٣٦)

Maksudnya:

Oleh itu, apa jua yang diberikan kepada kamu, maka ia hanyalah nikmat kesenangan hidup di dunia ini sahaja dan apa yang ada di sisi Allah S.W.T (akhirat) adalah lebih baik dan lebih kekal bagi orang-orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Tuhannya. al-Syuraa (42):36

Ibn Kathir (2008) menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa apa sahaja yang kalian raih dan kalian kumpulkan, maka janganlah kalian tertipu kerana semua itu hanyalah kenikmatan hidup di dunia. Dunia adalah tempat tinggal yang rendah, fana dan pasti akan binasa. Oleh itu, pahala disisi Allah S.W.T lebih baik daripada dunia, kerana Allah S.W.T adalah kekal selama-lamanya. Maka, janganlah mendahulukan sesuatu yang fana atas sesuatu yang kekal. Untuk itu Allah S.W.T berfirman, orang-orang yang bersabar dalam meninggalkan nikmat dunia ialah orang yang bersikap sabar dalam menunaikan kewajipan dan meninggalkan semua larangan serta beriman kepada Allah S.W.T.

Seterusnya, di dalam skop kedua ini terdapat empat ayat yang menerangkan mengenai kebaikan dari sudut perbandingan umat terdahulu. Firman Allah S.W.T :

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا لَوْ كَانَ خَيْرًا مَا سَبَقُونَا إِلَيْهِ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا بِهِ
فَسَيَقُولُونَ هَذَا إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Dan (kerana sombong angkuhnya orang-orang kafir itu) mereka berkata tentang kepercayaan orang-orang yang beriman: Kalaulah (apa yang dibawa oleh Muhammad) itu perkara yang baik tentulah mereka tidak mendahului kami mempercayainya (kerana kamilah yang sepatutnya menerima segala kebaikan)! Dan setelah mereka tidak dapat menerima petunjuk Al-Quran itu, (mereka memusuhinya) lalu mereka mencacinya dengan berkata: Al-Quran ini ialah rekaan dusta yang sudah lama.

al-Ahqaf (46):11

Ayat di atas menceritakan orang-orang kafir berkata kepada orang yang beriman kepada al-Quran 'Seandainya al-Quran itu baik, nescaya orang-orang itu tidak akan mendahului kami beriman kepadanya'. Orang-orang yang mereka maksudkan ialah Bilal, 'Ammar, Shuhaib dan Khabbab serta orang-orang yang serupa dengan mereka dari kalangan kaum lemah, hamba sehayu kerana mereka berkeyakinan bahawa mereka mempunyai kedudukan terhormat di sisi Allah S.W.T. Akan tetapi mereka telah melakukan kesalahan yang nyata. Sedangkan ahli Sunnah wa al-Jama'ah berpendapat bahawa setiap perbuatan dan ucapan yang tidak ada dasarnya dari sahabat Rasulullah S.A.W adalah bid'ah, kerana bila hal itu baik nescaya mereka akan lebih dahulu melakukannya daripada kita. Kemudian mereka merendahkan al-Quran dan orang yang berpegang padanya.

Kemudian, di dalam skop ketiga ini terdapat sepuluh ayat yang menerangkan mengenai kebaikan dari sudut kekuasaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T :

فِيهِنَّ خَيْرَاتٌ حَسَنَاتٌ ﴿٧٠﴾

Maksudnya:

Dalam kedua-dua Syurga itu juga terdapat (teman-teman) yang baik akhlagnya, lagi cantik parasnya. al-Rahman (55):70

Qatadah (dalam Ibn Kathir 2008) mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan خَيْرَاتٌ

adalah kebaikan yang sangat banyak lagi indah. Jumhur ulama berpendapat خَيْرَاتٌ ^{حط} adalah

merupakan jamak dari kata خَيْرَةٌ yang bererti wanita solehah yang sangat menawan,

berakhlak mulia dan berwajah cantik. Allah S.W.T pencipta segalanya, di dunia boleh dilihat terdapat ramai manusia ciptaan Allah S.W.T yang cantik jadi tidak mustahil Allah S.W.T mampu mencipta bidadari di syurga untuk menjadi peneman orang yang beriman yang dijanjikan ganjaran syurga.


Di dalam skop keempat ini terdapat tujuh ayat yang menerangkan mengenai kebaikan dari sudut yang lebih baik. Firman Allah S.W.T :

طَاعَةٌ وَقَوْلٌ مَّعْرُوفٌ فَإِذَا عَزَمَ الْأَمْرَ فَلَوْ صَدَقُوا اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ﴿٤٧﴾

Maksudnya:

Pendirian kami mematuhi perintah dan memperkatakan perkataan yang baik. Dalam pada itu, apabila perkara (peperangan Jihad) itu ditetapkan wajibnya, (mereka tidak menyukainya); maka kalaulah mereka bersifat jujur kepada Allah (dengan mematuhi perintahNya), tentulah yang demikian itu amat baik bagi mereka. Muhammad (47):21

Ayat ini menceritakan tentang orang-orang mukmin bahawa mereka sangat mengagungkan pensyariatan jihad akan tetapi setelah Allah S.W.T mewajibkan jihad itu dan memerintahkan mereka melakukannya, maka banyak orang-orang yang menolaknya. Setelah Allah S.W.T menurunkan perintah perang, kelihatan orang-orang mukmin itu takut untuk bertemu dengan musuh. Lalu Allah S.W.T menurunkan ayat untuk memberi motivasi kepada mereka iaitu mematuhi perintah dan guna perkataan yang baik (jujur). Jika benar iman mereka terhadap Allah S.W.T nescaya mereka akan ikhlas dengan niat mereka dan ianya lebih baik dari berkata bohong. Justeru rajah 1.0 merupakan rumusan dalam menerangkan makna *al-khair*.



ANALISIS AYAT AL-QURAN YANG MENGANDUNGI KALIMAH *AL-HASAN*

Ayat al-Quran yang mengandungi kalimah *al-Hasan* terbahagi kepada empat skop yang menunjukkan (1) Kebaikan yang menerima ganjaran di akhirat, (2) Kebaikan dari sudut perbuatan yang ikhlas, (3) Kebaikan yang ditegur oleh Allah S.W.T dan (4) Kebaikan serta kelebihan Allah S.W.T.

Di dalam skop pertama ini terdapat sepuluh ayat yang menerangkan mengenai kebaikan yang menerima ganjaran di akhirat. Firman Allah S.W.T :

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya, demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan amal-amal yang baik. al-Mursalat (77):44

Allah S.W.T berfirman dan mengkhabarkan tentang hamba-hamba yang bertakwa, bersungguh-sungguh beribadah kepadanya dengan menunaikan semua kewajipan dan meninggalkan semua larangan. Dan pada hari kiamat kelak, mereka diberi ganjaran syurga. Segala apa yang mereka inginkan di syurga akan mereka perolehi. Inilah pahala yang Allah S.W.T berikan kepada sebaik-baik amal.

Seterusnya, di dalam skop kedua ini terdapat enam ayat yang menerangkan mengenai kebaikan dari sudut perbuatan yang ikhlas. Firman Allah S.W.T :

ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ وَأَهْرَاجَرُ كَرِيمٌ ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya? Dan (selain itu) dia akan beroleh pahala yang besar! al-Hadid (57):11

Umar bin al-Khatib (dalam Ibnu Kathir 2008) mengatakan 'Infak di jalan Allah S.W.T'. Ada pula yang mengatakan 'Nafkah yang diberikan kepada keluarga'. Dan yang diterima ialah

ayat di atas lebih bersifat umum. Sesiapa sahaja yang berinfak di jalan Allah S.W.T secara tulus ikhlas dan niat yang tulus, maka ia telah tergolong dalam golongan yang disebut Allah S.W.T di dalam ayat itu. Selain itu, Allah S.W.T menjanjikan pahala yang baik dan pemberian yang tidak ternilai, iaitu syurga pada hari akhirat kelak.

Kemudian, di dalam skop ketiga ini terdapat enam ayat yang menerangkan mengenai kebaikan yang ditegur oleh Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T :

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا ۖ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ وَحَمَلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا ۚ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي ۗ إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah dia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah dia dengan berkata: Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).
al-Ahqaf (46):15

Allah S.W.T menurunkan ayat perintah untuk berbuat baik kepada kedua orang tua. Sebagaimana yang diturunkan Allah S.W.T ayat di atas yang membawa maksud 'Kami perintahkan ia supaya berbuat baik serta berlemah lembut kepada kedua orang tua'. Allah S.W.T mengatakan ibu mereka telah menderita ketika mengandungkannya, mengalami kesulitan dan kepayahan seperti mengidam, pengsan, rasa berat serta dugaan lain yang dialami oleh para wanita yang hamil serta di susuli pula dengan kesakitan ketika ingin melahirkan.

'Ali Bin Abi Talib (dalam Ibnu Kathir 2008) berpendapat bahawa masa minimum untuk seseorang ibu melahirkan anak ialah enam bulan. Kemudian berdoa hamba Allah S.W.T agar ilhamkan kepadanya agar mensyukuri nikmat yang telah diberikan kepada dirinya dan juga ibu bapanya supaya mereka dapat berbuat amal soleh yang direndhai Allah S.W.T, selain itu berikan juga kebaikan kepada anak cucu mereka. Sesungguhnya mereka bertaubat kepada Allah S.W.T dan termasuk dalam golongan orang yang berserah diri. Di dalam ayat ini terdapat petunjuk bagi mereka yang berumur 40 tahun, agar memperbaharui taubat dan kembali kepada Allah S.W.T serta bertekak melaksankannya.


Selain itu, dalam skop keempat ini terdapat empat ayat yang menerangkan mengenai kebaikan serta kelebihan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T :

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa; bagiNya nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi dan Dialah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana. al-Hashr (59):24

Allah S.W.T jika menghendaki sesuatu, maka cukup dengan hanya mengucapkan ‘Jadilah’ maka akan terjadi sesuai bentuk yang dikehendakinya dan rupa yang diinginkannya. Oleh kerana itu, Allah S.W.T menyebut *al-Mushawwir* iaitu yang melaksanakan apa yang hendak diwujudkan menurut bentuk yang dikehendaki. Kemudian yang mempunyai nama-nama yang baik iaitu Allah S.W.T mempunyai 99 nama. Bertasbih hanya kepada Allah S.W.T yang menciptakan langit dan bumi, tidak ada yang mampu melawan dan mengalahkannya iaitu dalam syariat dan ketetapanNya. Justeru rajah 1.0 merupakan rumusan dalam menerangkan makna *al-khair*.



KESIMPULAN

Islam telah menunjukkan jalan-jalan untuk menuju kebenaran kepada manusia di dunia mahupun di akhirat, kemudian menjelaskan kepada kita akan sumber-sumber dan tanda-tanda kebaikan, serta landasan perbuatan soleh bagi Allah S.W.T . Darjat kebajikan yang paling utama adalah beriman dengan sebenar benar iman serta mengakui zat Allah S.W.T dan bahawasanya Dia Maha Esa. *al-Khair* dan *al-Hasan* seperti yang diketahui masing-masing membawa maksud baik atau kebaikan. Dari segi istilah *al-Khair* membawa maksud lebih kepada kebaikan yang membawa manfaat, boleh ditegur dan secara zahirnya boleh dilihat manakala *al-Hasan* ialah kebaikan yang secara simbolik akan dihitung di hari akhirat kelak.

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa ayat yang mengandungi kalimah *al-Khair* di dalam al-Quran banyak menceritakan bagaimana melakukan kebaikan di dunia dengan berlandaskan keimanan pada Allah S.W.T serta kekuasaan Allah S.W.T. Manakala kalimah *al-Hasan* pula menjelaskan kebaikan secara simbolik yang akan dihitung di akhirat kelak di mana lebih memfokuskan kepada aspek keikhlasan dalam melakukan kebaikan serta ganjaran yang bakal diperolehi.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

Enoh. 2004. *Jurnal Konsep Baik (Kebaikan) dan Buruk (Keburukan) dalam Al-Qur'an: Analisis Konseptual Terhadap Ayat-Ayat yang Bertema Kebaikan dan Keburukan*. Volume XXIII No. 1 Januari – Mac 2007 : m/s 15 – 39

Ibn Mandhur, Jamaluddin Muhammad Bin Mukram. 2008. *Lisan al-'Arab*. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr

Imam 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il Ibn Kathir. 2008. *Tafsir al-Quran al-'Azim li Ibn Kathir*. Pustaka Imam al-Shafie.

Muhammad Fuad al Baqi. 1364H. *Kitab al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Qur'an al-Karim*. al-Dar al-Kutub Mishriyyah.

al-Raghib al-Asfahani. 2013. *Mu'jam Mufradat al-Faz al-Quran*. Bierut Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Yulia Rahmi. 2014. *Makna Khair di dalam al-Quran*. Fakulti Usuluddin dan Pemikiran Islam, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/06/20/mahkamah-khas-jenayah-seksual-kanak-kanak-rasmi-khamis-ini/>, diakses pada 19 Disember

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/10212/>, diakses pada 19 Disember

<http://m.utusan.com.my/rencana/utama/buli-isu-serius-perlu-campur-tangan-kerajaan-1.494456>, diakses pada 19 Disember